

29/03/2001

Usul tangguh dewan ditolak

Fazallah Pit

SHAH ALAM, Rabu - Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor hari ini, menolak usul penangguhan dewan bagi membincangkan kejadian Kampung Medan dan Kampung Lindungan, Petaling Jaya, dekat sini, baru-baru ini.

Speaker, Datuk Seri Onn Ismail, menolak usul yang dicadangkan Teng Chang Kim (DAP-Bandar Klang), mengikut Aturan 17 (1) Peraturan Tetap Dewan, pada sesi pagi dewan itu.

Bagaimanapun, Onn membuat penolakan itu mengikut Aturan 17 (2) peraturan yang sama, selepas hanya berpuas hati dengan dua daripada tiga syarat, mengikut peraturan itu.

Syarat yang dipersetujui Onn adalah ia perkara tertentu dan mempunyai kepentingan ramai tetapi tidak bersetuju ia berhak disegerakan kerana pelbagai langkah sudah diambil kerajaan.

Onn berkata, masalah itu sudah dapat dibendung dan bukan satu rusuhan kaum, sebaliknya hanya perselisihan faham.

Beliau berkata, keadaan di kampung terbabit sudah tenang selepas polis menempatkan sejumlah anggotanya selama 24 jam sejak kejadian pertama pada 8 Mac lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, katanya, juga sudah mengadakan rundingan dengan Kementerian Dalam Negeri, meluluskan kewangan serta-merta bagi membina tiga pondok polis dan mengaktifkan semula Rukun Tetangga (RT).

"Selain itu, beberapa orang kenamaan termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuat lawatan ke tempat kejadian dan beberapa program dirangka bagi menyelesaikan masalah di kampung itu.

"Malah, beberapa Adun di kawasan berkaitan turut bertungkus-lumus menangani masalah itu sehingga Adun Kelana Jaya tidur bersama-sama kaum India di kuil bagi memastikan keselamatan mereka terjamin," katanya.

Terdahulu, Teng berkata, beliau memohon penangguhan itu dengan alasan sekurang-kurangnya enam orang sudah terbunuh manakala 37 cedera dan ratusan ditahan dalam kejadian yang dianggapnya sebagai tragedi.

Beliau juga mendakwa, maklumat yang dibekalkan kerajaan dan pasukan keselamatan gagal meyakinkan rakyat, menyebabkan mereka lebih mempercayai khabar angin.

"Kerajaan gagal menenangkan keadaan pada permulaan tragedi dan keupayaannya menangani krisis itu dipertikaikan, selain terdapat beberapa pemimpin kerajaan mengeluarkan kenyataan yang tidak wajar, dan menghasut," katanya.

(END)